



Pembinaan Jaringan Komunikasi Hal Ehwal Islam Bersama Semua Agensi adalah Wajar-KSN

“Pembinaan Jaringan Komunikasi Hal Ehwal Islam bersama Semua Agensi adalah Wajar” – KSN

Bangi – Demi memastikan sesuatu perancangan dan pelaksanaan pengurusan hal ehwal Islam negara yang bermuafakat, institusi hal ehwal Islam perlu membina jaringan komunikasi meliputi pelbagai aspek bersama-sama semua agensi.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam 2022
sempena
Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM)

“Pendigitalan Sistem Penyampaian Hal Ehwal Islam Berpacuan Data”

2 November 2022 (Rabu)
10:00 pagi – 12:00 tengah hari
Dewan Datuk Mohd Shahir
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi

SAKSIKAN SECARA LANGSUNG DI
You Tube @ MYJAKIM
LIVE

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
Ketua Perangkawan Malaysia

StatsMalaysia
www.stats.gov.my

Menurut Ketua Setiausaha Negara (KSN), Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Zuki Ali, pengurusan yang melibatkan hal ehwal Islam adalah berbeza dengan pengurusan biasa disebabkan oleh faktor peranannya yang besar, iaitu sebagai sumber rujukan bidang keagamaan termasuklah dari segi pentadbiran dan pengurusan.

Tegas beliau, "Pengurusan hal ehwal Islam perlu bersifat inklusif dalam semua sudut dan tidak eksklusif kepada beberapa aspek atau kumpulan tertentu sahaja. Segala tindakan sesama agamawan dan agensi agama mestilah mengambil kira kemaslahatan pelbagai pihak." katanya lagi dalam ucap utama di Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam bersempena dengan Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM) 2022 di Dewan Datuk Mohd Shahir semalam. Konvensyen ini juga boleh diikuti secara langsung di saluran YouTube MyJAKIM atau di Facebook @StatsMalaysia, dari Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

Sejajar dengan topik

"Pendigitalan Sistem

Penyampaian Hal Ehwal Islam

Berpacukan Data" Tan Sri Mohd

Zuki Ali berpandangan bahawa

pendigitalan perkhidmatan dalam

pentadbiran hal ehwal agama

hendaklah diangkat dengan lebih

tinggi di samping memastikan

pengurusan agensi agama tidak

lapuk. Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) sudah tiba dan sedang menjadi

kenyataan. Kemunculan teknologi baharu seperti automosi, robotik, Kecerdasan

Buatan (AI), Mesin ke Mesin (M2M), dan Internet Benda (IoT) telah mengubah cara

dunia beroperasi.

Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa semua pentadbir agama perlu

kelihatan aktif dan menonjol dalam pelbagai perkara khususnya perkara yang

melibatkan pentadbiran dan pengurusan masyarakat bagi menyuarakan idea-idea

baharu yang bernas berasaskan pendekatan *Maqasid* Syariah.

Demikian menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin yang juga merangkap Ketua Perangkawan Malaysia dalam ucapan beliau di konvensyen tersebut . Beliau turut mengingatkan agar semua agensi agama persekutuan dan negeri sentiasa mengamalkan dan melaksanakan pelbagai inisiatif yang dirangka kerajaan berhubung dengan aspek pengukuhan integriti. Kaedah yang telus dan bebas isu integriti seperti pemindahan kewangan dalam talian tanpa tunai merupakan antara kaedah pengurusan inovatif yang dapat meminimumkan salah laku dan isu integriti yang melibatkan wang tunai.

<https://dewantamadunislam.jendeladbp.my/2022/11/03/4415/>